

BAB 2

DASAR RTM SEBAGAI MEDIA PEMBANGUNAN NEGARA

2.1 Pendahuluan

Sebagai sebuah agensi kerajaan, RTM (Radio dan Televisyen Malaysia) dipertanggungjawab untuk menjadi daya penggerak pemikiran rakyat ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni di samping membentuk negara yang maju dan progresif. Peranan ini dilaksanakan di atas dasar membantu agensi-agensi kerajaan dalam bidang pembangunan rohani dan jasmani.

Jaafar Kamin (1985) dalam kajiannya *RTM Sebagai Pembekal Maklumat Umum* menerangkan dasar kerajaan sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut keperluan keadaan. Untuk mengisi keperluan ini, RTM menyematkan strategi menerapkan usaha pembangunan dalam setiap rancangannya untuk mencapai matlamatnya. Dalam konteks ini, keseluruhan jentera pemprograman RTM digembung ke arah memahami psikologi khalayak dan pendengarnya serta memujuk mereka agar dapat memahami dan menghayati dasar kerajaan.

Dalam menjayakan usaha tersebut, matlamat umum RTM adalah seperti berikut :

1. Menerangkan secara terperinci dan memberi liputan yang luas tentang dasar dan rancangan kerajaan bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dan sepenuhnya dasar dan rancangan tersebut.
2. Menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir bagi melahirkan perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak dan dasar kerajaan.
3. Membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Bahasa Malaysia di kalangan masyarakat yang berbilang kaum.
4. Membantu mewujudkan kesedaran sivik dan menggalakkan perkembangan seni dan budaya Malaysia.
5. Mengadakan bahan yang sesuai untuk ilmu pengetahuan am, penerangan umum dan hiburan.

RTM bukan sahaja menyampaikan matlamat dan penerangan serta pendidikan malah mempunyai rancangan khusus untuk pembangunan sosial dan ekonomi. Pemprograman yang disiarkan sesuai dengan keperluan para petani, nelayan, belia, wanita dan sebagainya. Matlamat khususnya ialah meningkatkan penyertaan rakyat dalam projek-projek pembangunan kerajaan, meningkatkan taraf hidup mereka dan membasmi kemiskinan. Menyedari kepentingan ini, RTM telah memperkembang peranannya untuk menjadi alat komunikasi pembangunan yang lebih berkesan. Jabatan Penyiaran pula dipertanggungjawabkan untuk menyedarkan rakyat tentang dasar dan projek kerajaan melalui media elektronik seperti radio dan televisyen.

2.2 Perkhidmatan Awal

Jabatan Penyiaran Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1946 dan ianya ditadbir dari Singapura. Ketika itu, jabatan ini dikenali sebagai RADIO MALAYA. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maka sebuah Jabatan Penyiaran yang tersendiri didapati perlu diadakan.

Pada bulan Februari 1959, sebuah Jabatan Penyiaran Khas untuk Malaya telah dimulakan dan ibu pejabatnya terletak di Kuala Lumpur. Dengan wujudnya pembentukan Malaysia pada 16hb September 1963, Radio Malaya telah diubah menjadi RADIO MALAYSIA dengan liputan yang lebih luas termasuk di Sabah dan Sarawak. Penyiaran telah dimulakan di Sabah pada tahun 1952 dan di Sarawak pada tahun 1954.

Sementara perkhidmatan televisyen pula telah dilancarkan di Malaysia pada tahun 1963, bertempat di studio sementaranya di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Pada bulan Oktober tahun 1969 perkhidmatan ini telah dipindahkan ke Angkasapuri yang kini menjadi ibu pejabat Radio dan TV Malaysia. TV Malaysia telah memulakan Rangkaian Kedua pada 17hb November 1969 . Pada 28hb Disember 1971 perkhidmatan TV dilancarkan dengan rasminya di Sabah.

Masyarakat di Sabah dan Sarawak juga tidak ketinggalan dalam menerima pengetahuan dan maklumat yang ingin disampaikan melalui wadah kerajaan ini.

Sebagaimana kata-kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad sewaktu melancarkan siaran tersebut :

Wujudnya siaran televisyen meliputi seluruh negara dengan bekalan rancangan-rancangan penerangan adalah asas bagi melepaskan rakyat daripada pandangan yang sempit dan pemikiran yang cetek , juga akan bertambahlah peluang menerima penerangan, pengetahuan dan hiburan bagi saudara-saudara di Sabah dan Sarawak sama seperti saudara-saudara kita di Semenanjung .

(Penyiaran Empat Dekad Bersama Anda, 1987, ms 30)

Pada peringkat permulaan perkhidmatan Televisyen hanya satu saluran dimulakan operasinya dan selepas beberapa cadangan dikemukakan terutama selepas peristiwa 13 Mei 1969, maka pada 17 November 1969 Radio Televisyen Malaysia telah melancarkan saluran rangkaian kedua di Semenanjung. Tengku Abdul Rahman Putra selaku Perdana Menteri ketika itu telah merasmikan pelancarannya.

Siaran TV warna pula telah dimulakan pada 28hb Disember 1978 melalui Rangkaian Pertama atau Nasionalnya dan pada 7hb Mei 1979 Rangkaian Kedua telah memulakan siaran berwarna. Jabatan Penyiaran kini bergiat di bawah Kementerian Penerangan yang terletak di Kompleks Angkasapuri yang menempatkan Wisma Radio, Wisma TV dan Bangunan Pentadbiran serta Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) , salah satu Institut Penyiaran yang terbesar dan termoden rantau ini.

Setelah lebih 20 tahun beroperasi TV Malaysia terus berbangga kerana menggunakan pelbagai peralatan canggih setanding dengan negara-negara maju yang lain. Ini termasuklah penggunaan komputer sepenuhnya dalam operasi siaran yang dikendalikan dari Pusat Operasi Siaran (TOC) dan penggunaan satelit penerimaan siaran (KOMSAR) serta penggunaan peralatan-peralatan digital seperti DVC PRO, Digital-Analog, Beta Cam Analog dan Linear Editing Analog Post-Production.

2.3 Aktiviti Dan Rancangan Yang Disiarkan

RTM membahagikan salurannya kepada dua rangkaian TV1 dan TV2.

2.3.1 Televisyen Rangkaian Pertama (TV1)

Sistem Televisyen Rangkaian Pertama (TV1) merupakan stesen televisyen yang diwujudkan khas untuk menghubungkan rakyat Malaysia yang berasal dari setiap kumpulan etnik yang berbeza. Rangkaian Pertama RTM atau TV1 ini memulakan operasinya pada 28 Disember 1963 di bawah Radio Televisyen Malaysia dan kini usianya telah menjangkau 38 tahun. Ia telah memperkenalkan cogan kata “*Teman Setia Anda*” pada 27hb Disember 1987 . Ia merupakan sebuah stesen penyiaran yang dimiliki oleh kerajaan Malaysia di bawah pengendalian Jabatan Penyiaran Malaysia yang beribu pejabat di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Liputan siaran TV1 ini merangkumi seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pada 1hb Februari 1990 saluran ini telah ditukarkan gelaran kepada *TV1 – Saluran Perdana*. Kewujudannya yang begitu

lama boleh menimbulkan dua persoalan, sama ada kewujudannya bertambah kukuh dalam memainkan peranan sebagai media pembangunan negara atau rancangannya sukar dicabar oleh stesen-stesen lain atau sebaliknya.

Visi

Untuk menjadikan TV1 Saluran Televisyen Perdana setanding dengan yang terbaik di rantau Asia Pasifik.

Misi

- i. Mendukung Wawasan Negara
- ii. Menyerikan rancangan-rancangan yang memenuhi cita rasa penonton
- iii. Melaksanakan perkhidmatan siaran yang bermutu tinggi
- iv. Menjadikan TV1 saluran yang berdaya maju dan mendatangkan hasil
- v. Peka dan bertindak atas aktiviti atau isu semasa dari dalam dan luar negara
- vi. Menjaga kebajikan anggota petugas

2.3.2 Televisyen Rangkaian Kedua (TV2)

Ketika memulakan siaran pada 17hb November 1969 Rangkaian Kedua dilancar di Semenanjung Malaysia sahaja. Namun berikutnya perkembangan teknologi dan seruan kerajaan untuk membentuk integrasi antara kaum di samping merapatkan hubungan

antara Semenanjung dengan Malaysia Timur, RTM telah mengambil insiatif memperluas siarannya di Sabah dan Sarawak pada 31hb Ogos 1984. Pada 1hb Februari 1990 Rangkaian Kedua dikenali sebagai TV2 sebagai Saluran Televisyen Emas.

Visi

Untuk mewujudkan rangkaian bagi memenuhi cita rasa khalayak dengan berkonseptan progresif dan kontemporari.

Misi

- Menyiarkan rancangan dan persembahan siaran yang menarik untuk meningkatkan jumlah penonton dan pulangan hasil
- Mempertingkat peratus rancangan tempatan.

2.4 Peranan, Dasar Dan Pemprograman RTM Dalam Pembangunan Negara

2.4.1 Konsep Komunikasi Pembangunan dan RTM

Komunikasi dan pembangunan negara memaparkan kepentingan komunikasi sebagai pemangkin pembangunan sesebuah negara. Sebagai salah satu komponen penggerak pembangunan, komunikasi perlu dieksplorasi sepenuhnya dan diubah mengikut

peredaran zaman untuk memajukan rakyat dan negara. Sehubungan itu banyak idea baru tentang komunikasi pembangunan telah dibuat penyelidikan dan dibincangkan. Kajian dan penyelidikan yang dilakukan berusaha mempertemu prospek konsepsi dan perlaksanaan pembangunan di satu pihak dan peranan yang dapat disumbangkan oleh komunikasi pembangunan dalam proses yang semakin kompleks itu. Begitu juga dengan kesan teknologi komunikasi terbaru ke atas komunikasi pembangunan. Negara yang kurang maju boleh mengambil iktibar daripada pengalaman negara maju di dunia yang telah mengeksplor komunikasinya khususnya bagi pembangunan rakyat dan negara.

Di peringkat awal kemerdekaan negara, kerajaan Malaysia telah menyedari kepentingan komunikasi sebagai usaha untuk mempercepat pembangunan negara yang dikaitkan dengan projek-projek pembangunan rakyat. Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein yang telah diberi gelaran " Bapa Pembangunan Malaysia " telah mengakui pentingnya komunikasi sebagai penggerak pembangunan pernah berkata :

Manusia tidak akan menerima dan bertindak dengan baik terhadap sebarang maklumat atau idea yang disampaikan kecuali mereka perlu faham. Rakyat juga tidak boleh diharapkan untuk memahami maklumat dan cita-cita negara serta bertindak mengikutnya kecuali mereka diberitahu dengan baik dan memerlukan sistem komunikasi yang berkesan dan sempurna.

(RTM Sebagai Pembekal Maklumat Umum, 1985, ms 58-62)

Menurut bekas Timbalan Menteri Penerangan, Puan Hajah Rahmah Osman (1983) dalam Ucapan Perasmian Seminar Kebangsaan tentang Komunikasi Pembangunan dalam *Proceedings of The National Seminar on Development Support Communication* menerangkan sumbangan komunikasi pembangunan menerusi media massa merupakan unsur yang penting dalam keseluruhan proses pembangunan rakyat dan negara Malaysia. Sumbangan ini telah menggariskan beberapa garis panduan bagi membantu semua media dan institusi komunikasi ke arah perlaksanaan peranan dan bertanggungjawab dalam proses pembangunan rakyat dan negara secara am dan boleh dipakai dalam semua keadaan. Komunikasi merupakan satu perkara dan alat yang penting dalam pembangunan negara. Banyak contoh yang dapat diberikan tentang rancangan pembangunan yang gagal dalam mencapai tujuan sepenuhnya berikutan kesilapan penerimaan maklumat oleh rakyat.

Menurut Hajah Rahmah (1983) lagi, memang wujud faktor-faktor sampingan lain yang membolehkan satu-satu program pembangunan itu berjaya . Misalnya faktor peranan media masa, kajian dan penyelidikan oleh mereka. Namun tanpa komunikasi yang sistematis dan berkesan faktor ini tidak dapat digunakan untuk menghasilkan pembangunan sepenuhnya. Komunikasi bukannya satu perkhidmatan yang secara kebetulan sahaja malah merupakan unsur yang sempurna dalam keseluruhan proses pembangunan.

Hajah Rahmah (1983) berpendapat bahawa apabila menyedari kepentingan komunikasi dalam pembangunan negara maka kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sumber kewangan yang banyak untuk tujuan komunikasi . Misalnya, RTM sedang diperlengkap dengan alat-alat moden untuk membolehkannya melaksanakan tugas dan peranannya sebagai media pembangunan negara yang berkesan. Selaras dengan tujuan ini, stesen-stesen daerah RTM di seluruh negara juga sedang dilengkapkan dengan peralatan yang lebih canggih seperti peralatan digital Thompson baru-baru ini. Stesen daerah RTM ini pula terletak di kawasan pembangunan yang strategik seperti di Alor Setar, Kota Bahru, Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. RTM telah dikembangkan jenteranya menerusi Jabatan Penyiaran untuk membolehkannya menjadi alat komunikasi pembangunan yang lebih berkesan.

Menurut bekas Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Mohd Kaus Haji Salleh (1983) dalam bukunya *Komunikasi Pembangunan : Peranan Jabatan Penerangan Malaysia* mentakrifkan secara umumnya penggunaan komunikasi sebagai pencetus pembangunan rakyat dan negara mampu :

- a) Memberikan pengetahuan yang luas kepada seseorang
- b) Memberitahu perkara yang belum diketahui
- c) Meninggikan aspirasi dan keinginan untuk mencapai suatu kehidupan yang bermakna dan baik.
- d) Mewujudkan iklim untuk pembangunan rakyat dan negara
- e) Mendidik seseorang itu tentang peranan yang harus dimainkan atau keputusan bagaimanakah seseorang menerima

- f) Menghubungkan interaksi antara perbandaran, celik huruf, perindustrian dengan penglibatan rakyat.

Menurut Mohd. Kaus (1983) lagi, dalam konteks Malaysia terdapat usaha untuk melakukan perubahan masyarakat daripada struktur *tradisional agraris* kepada struktur masyarakat moden yang berbentuk industrial. Proses perubahan ini melibatkan beberapa dasar kehidupan, struktur pengertian, nilai dan interaksi manusia pada peringkat sedar dan tidak sedar. Maka, hubungan komunikasi secara bersemuka dalam pembangunan merupakan satu hubungan secara langsung. Dalam hubungan ini, ketabahan serta kegigihan dan kebolehan mentafsir maklumat hendaklah bersesuaian dengan :

- I Perumusan strategi komunikasi yang tepat
- II Perumusan kebijaksanaan unsur-unsur budaya
- III Peningkatan kegiatan penyelidikan dan menganalisis sesuatu isu nasional
- IV Peningkatan penyaluran maklumat dan hubungan maklumat antara yang seimbang

Sementara Mansor Ahmad dan rakan-rakannya (1984) dalam bukunya *Pengantar Komunikasi* mentakrifkan konteks pembangunan Malaysia adalah berbeza daripada konteks barat. Beliau dan rakan-rakannya mentakrifkan pembangunan sebagai perubahan ke arah hidup yang lebih sempurna dan satu pergerakan kemasyarakatan ke arah pmodenan dalam cara hidup. Mereka mengganggap pembangunan adalah suatu perubahan sosial di mana idea-idea baru diperkenalkan dalam sesuatu masyarakat untuk menghasilkan pendapatan perkapita yang lebih tinggi dengan penggunaan cara pengeluaran yang lebih baik dan cekap. Pembangunan adalah proses perombakan sistem

kemasyarakatan oleh rakyat sesebuah negara untuk bergerak ke arah sistem yang lebih baik dan maju. Menurut mereka, pembangunan adalah perubahan yang dialami oleh sesuatu masyarakat dalam mengusahakan dan mencapai satu taraf kehidupan yang lebih sempurna yang dapat memberikan kebahagian kepada ahli-ahli masyarakat.

Dalam mentakrifkan pembangunan, ternyata Mansor Ahmad dan rakan-rakannya berusaha memberi penekanan kepada manusia dan masyarakat. Menurut mereka, apabila berbincang tentang manusia dan masyarakat adalah perlu diberi pertimbangan kepada perkara-perkara seperti kepercayaan, nilai kemasyarakatan, norma, sikap dan sebagainya yang menjadi pegangan ahli-ahli masyarakat itu. Sekiranya nilai-nilai moral yang dipegang oleh sesuatu masyarakat itu menyokong usaha-usaha pembangunan kerajaan, maka proses pembangunan akan berjalan dengan lebih lancar. Sekiranya nilai-nilai yang terdapat dalam masyarakat itu tidak menyokong atau menentang usaha-usaha pembangunan, maka ini akan melambatkan lagi proses pembangunan. Dalam soal ini, Mansor dan rakan-rakannya percaya jika kita ingin melicinkan proses pembangunan, maka kepercayaan, nilai, sikap, norma dan kemoralan yang dipegang oleh masyarakat perlulah diubah atau ditukarkan terlebih dahulu. Di tahap inilah dipercayai bahawa usaha-usaha komunikasi boleh memainkan peranan yang berkesan sebagai pemangkin dan penggembeleng pembangunan negara.

Kesimpulannya bolehlah dirumuskan bahawa konsep pembangunan boleh berubah mengikut edaran zaman. Misalnya, pada suatu ketika dahulu ia menekankan

soal-soal pertumbuhan ekonomi, kini ia kian memberi penekanan kepada perihal kemanusiaan dan kepuasan keperluan-keperluan asas manusia.

Konsep pembangunan juga boleh dilihat dari segi matlamat, isu, ideologi, falsafah atau proses dan kesemua ini akan membawa pentafsiran pembangunannya yang tersendiri. Pembangunan sesebuah negara turut dikongkongi oleh budaya para pentakrifnya serta bidang pengkhususan atau disiplin mereka. Menurut Mansor (1984) pentakrifan dan makna pembangunan adalah bias. Dengan kesedaran ini, maka para pembuat dasar pembangunan perlu berikhtiar mencari suatu pentakrifan, matlamat dan cara pelaksanaan pembangunan yang paling sesuai bagi negara mereka. Mereka juga harus membuat tinjauan dari semasa ke semasa sama ada menerusi penggunaan media atau sumber yang lain untuk memastikan ia mengikut perubahan zaman.

Sementara Schramm (1964) dalam karyanya *Mass Media and National Development : The Role of Information in Developing Countries* yang kini tergolong dalam karya klasik, merumuskan beberapa tugas utama media dalam membawa suatu perubahan sosial dalam merangka pembangunan nasional. Antara tugas utama media ialah menyampaikan kepada rakyat maklumat tentang pembangunan nasional agar rakyat boleh memusatkan perhatian mereka kepada keperluan yang bakal akan membawa perubahan dan membangkitkan aspirasi nasional. Ini termasuk memberikan peluang kepada rakyat untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses membuat keputusan, memperluas dialog agar melibatkan semua pihak yang akan membuat keputusan tentang perubahan, memberi kesempatan kepada para pemimpin negara untuk menyatakan hasrat

mereka menerusi media dan mendengar pendapat rakyat serta mencipta arus maklumat yang berjalan lancar dari bawah ke atas.

Menurut Schramm (1964) media massa secara sendirian atau pun bersama institusi lain dapat melakukan beberapa perancangan seperti yang berikut :

- I Sebagai pemberi maklumat iaitu tanpa pihak media adalah sukar untuk menyampaikan maklumat secara cepat dan tepat seperti yang diharapkan oleh sesebuah negara yang sedang membangun.
- II Sebagai pembuat keputusan iaitu pihak media berperanan sebagai penunjang kerana fungsi ini menuntut adanya kelompok-kelompok perbincangan yang akan membuat keputusan dan pihak media akan menyampaikan bahan untuk dibincangkan serta memperjelas masalah yang sedang dibincangkan sama ada oleh pucuk pimpinan negara mahu pun pentadbiran serta polisinya.
- III Sebagai pendidik. Sebahagiannya dapat dilaksanakan sendiri oleh media masa manakala sebahagian yang lain digabungkan dengan komunikasi antara peribadi. Misalnya, rancangan pendidikan luar sekolah atau siaran pendidikan.

Dengan kemampuannya membantu rakyat negara-negara membangun mengenali kehidupan di negara lain, media massa turut memiliki potensi pembebas yang meluaskan cakerawala pemikiran agar tidak terpenjara dalam batas-batas ketidaktahuan dan keterbatasan lain yang umum ditemui pada masyarakat yang belum maju. Media massa memiliki kekuatan mengendalikan pengetahuan khalayaknya melalui program-program yang disiarkan. Berikut ini pihak media pada dasarnya dapat membantu rakyat dalam

menumpukan perhatian mereka terhadap masalah pembangunan. Ini termasuklah sikap dan pandangan yang baru diperlukan untuk mengubah keadaan rakyat yang sedang membangun. Pihak media dapat membentuk aspirasi bersama anggota masyarakat sekiranya penyiaran rancangan-rancangan dan pemprograman mereka membawa suatu semangat kebersamaan dan penyertaan sebanyak mungkin dari anggota masyarakat yang menjadi khalayaknya. Secara psikologinya, masyarakat juga memerlukan suatu suasana tertentu yang mendorong dan membolehkan mereka menyertai kegiatan pembangunan negara. Media massa dapat membantu mencipta keadaan itu melalui siaran rancangan dan pemprograman serta mesej yang disampaikannya kepada khalayak.

Asiah Sarji (1991) dalam bukunya *Penyiaran dan Masyarakat*, beranggapan bahawa dalam menerajui pembangunan negara serta rakyatnya, tidak ada satu sistem penyiaran di dunia ini yang bebas dalam erti kata yang sebenarnya daripada kawalan kerajaan. Apa yang sering dipersoalkan oleh para pengkritik penyiaran ialah mengenai peringkat pengawalan kerajaan dalam membawa perubahan terhadap rakyat dan negara itu. Peringkat kawalan ini adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Menurut Asiah Sarji (1991) Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan terus kekal di masa yang akan datang, ditadbir dan dikawal dengan sepenuhnya oleh kerajaan. Ini bermakna pola kegiatan penyiaran di negara ini hendaklah selari dengan polisi pentadbiran kerajaan. Ini juga bermakna para siarawan yang bertugas dengan media ini adalah pekerja kerajaan yang tertakluk di bawah peraturan kerja yang telah ditetapkan dan bertanggungjawab untuk memenuhi aspirasi kerajaan. Oleh itu, peranan RTM dan

kedudukan para siarawan adalah sebagai salah satu jambatan yang menyambung kerajaan dan rakyat. Ini adalah fakta yang jelas dan tidak boleh dinafikan.

Asiah Sarji (1991) menganggap ini adalah satu tanggungjawab yang berat dan bukan sekadar diperlukan untuk menyampaikan rancangan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan malah mereka adalah penjaga imej dan maruah kerajaan. Kedua-dua keperluan ini jelas menunjukkan para penyiar bertanggungjawab dalam mengembang dan mengubah pendapat, sikap serta mengekalkan persefahaman antara rakyat supaya selari dengan kehendak dan dasar kerajaan. Ini melibatkan usaha melaksanakan empat peranan RTM iaitu memberikan maklumat, mendidik, menghibur dan memupuk. Sebagai media rasmi kerajaan, apa sahaja yang disalurkan melalui media ini merupakan pendapat kerajaan atau pendirian kerajaan yang sedang memerintah. Ini bermakna para siarawan di RTM membawa mandat dan kepercayaan kerajaan dalam menjalankan setiap tugas mereka bagi membantu mengekal serta meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang sedang memerintah.

Asiah Sarji (1991) juga berpendapat sekiranya mereka mempunyai segala kebolehan yang diperlukan daripada seorang siarawan seperti bakat, daya cipta dan pengetahuan maka kebolehan ini akan membantu siarawan bagi meningkatkan kepercayaan rakyat atau khalayak terhadap mesej yang ingin disampaikan. Dalam erti kata yang lain, ini akan membantu mempertinggi imej kerajaan yang memerintah. Matlamatnya menghibur penting untuk mengekal dan menambah jumlah rakyat yang perlu dipancing untuk mengikuti perutusan, polisi dan penerangan kerajaan melalui

media elektronik ini. Seperti yang dijelaskan oleh Schramm dan Robert (1972) dalam kajian mereka *The Process and Effects of Mass Communication* selain dari perutusan berbentuk hiburan yang bertujuan untuk menghibur, ia juga bertujuan untuk menyampaikan utusan yang boleh mengubah cara berfikir khalayak sasaran .

Sebuah jurnal komunikasi Canada yang berjudul *Community in Western Europe in the 1980s* di laman web (<http://cjc-online.ca/>) menekankan pemrograman televisyen di Eropah juga telah membawa perubahan dari segi sosial, politik dan ekonomi di kalangan rakyat Eropah. Penyiaran laporan-laporan kesusasteraan, semasa, resolusi-resolusi, komunikasi dan laporan akhbar telah membawa perubahan ke arah pembangunan terhadap masyarakat Eropah dan sistem penyiaran. Polisi audiovisual telah membentuk tiga insiatif iaitu “ *Television Without Frontiers Directive of 1989* ” oleh Majlis Masyarakat Eropah 1989, proses transmisi oleh televisyen satelit pada tahun 1986 dan sokongan pembentukan pemrograman media khasnya produksi-produksi audiovisual telah membolehkan televisyen Eropah memainkan peranan yang penting dalam aktiviti pembangunan negara.

Dalam tahun 1982, Majlis tersebut buat kali pertamanya telah melancarkan perkhidmatan televisyen satelit Eropah. Salah seorang ahli Parlimen Eropah, telah mengemukakan resolusi pertamanya terhadap televisyen yang berjudul *Resolusi Penyiaran Televisyen dan Radio* dalam pembangunan masyarakat Eropah yang dikenali sebagai Resolusi Hahn. Menerusi resolusi ini, majlis tersebut telah bersetuju dengan kenyataannya dan menganggap televisyen satelit penting dalam menegakkan hak asasi

manusia serta meyebarkan kebudayaan dan kesenian orang Eropah. Hahn mengemukakan pendapatnya seperti berikut :

Hahn stated, " Information is a decisive, perhaps the most decisive factor in European Integration (European Parliament, 1982) and argued that " The instruments, which serve to shape public opinion today, are the media. Of these, television as an audiovisual means of communication is the most important " (European Parliament, 1982). The Hahn report proposed re-regulation of European broadcasting in the interest of the European Union and argued that European unification will only be achieved if Europeans want it. Europeans will only want it if there is such a thing as a European identity. A European identity will only develop if Europeans are adequately informed. At present, information via the mass media is controlled at the national level.

(European Parliament, 1982, p.3)

Pendapat yang sama juga telah dikemukakan oleh Asiah Sarji (1991) dalam kumpulan eseinya yang berjudul *Kedudukan Siarawan dalam Sistem Penyiaran Kerajaan Malaysia*, bahawa tidak ada satu sistem penyiaran di dunia ini yang bebas dalam erti kata yang sebenarnya daripada kawalan kerajaan. Apa yang sering dipersoalkan oleh para pengkritik penyiaran ialah mengenai peringkat pengawalan kerajaan itu. Peringkat kawalan itu berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di negara ini, Radio Televisyen Malaysia (RTM) masih kekal dan terus kekal, sekurang-kurangnya sepuluh tahun yang akan datang, ditadbir dan dikawal dengan sepenuhnya oleh kerajaan. Ini bermakna pola kegiatan penyiaran di negara ini hendaklah selari

manusia serta meyebarkan kebudayaan dan kesenian orang Eropah. Hahn mengemukakan pendapatnya seperti berikut :

Hahn stated, " Information is a decisive, perhaps the most decisive factor in European Integration (European Parliament, 1982) and argued that " The instruments, which serve to shape public opinion today, are the media. Of these, television as an audiovisual means of communication is the most important " (European Parliament, 1982). The Hahn report proposed re-regulation of European broadcasting in the interest of the European Union and argued that European unification will only be achieved if Europeans want it. Europeans will only want it if there is such a thing as a European identity. A European identity will only develop if Europeans are adequately informed. At present, information via the mass media is controlled at the national level.

(European Parliament, 1982, p.3)

Pendapat yang sama juga telah dikemukakan oleh Asiah Sarji (1991) dalam kumpulan eseinya yang berjudul *Kedudukan Siarawan dalam Sistem Penyiaran Kerajaan Malaysia*, bahawa tidak ada satu sistem penyiaran di dunia ini yang bebas dalam erti kata yang sebenarnya daripada kawalan kerajaan. Apa yang sering dipersoalkan oleh para pengkritik penyiaran ialah mengenai peringkat pengawalan kerajaan itu. Peringkat kawalan itu berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di negara ini, Radio Televisyen Malaysia (RTM) masih kekal dan terus kekal, sekurang-kurangnya sepuluh tahun yang akan datang, ditadbir dan dikawal dengan sepenuhnya oleh kerajaan. Ini bermakna pola kegiatan penyiaran di negara ini hendaklah selari

dengan polisi pentadbiran kerajaan. Ini penting dalam memenuhi aspirasi rakyat dan kerajaan dalam menghadapi pembangunan ekonomi negara dan memupuk sikap perpaduan di kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai ras dan etnik.

Kenyataan ini telah dibuktikan oleh kajian yang telah dibuat di beberapa buah negara membangun yang lain.

Kawalan kepada media telah dianggap paling penting untuk mencapai hasrat perpaduan negara dan pentadbiran kerajaan. Kuasa luar telah digantikan dengan pentadbiran dalam negeri.....Gerakan ke arah menunjukkan usaha perpaduan ini telah dilakukan dengan menyiaran ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataan oleh pemimpin-pemimpin negara yang berkenaan.

(Broadcasting in the Third World-Promise and Performance, 1978, p.109-129)

Garry Jacobs dan Harlan Cleveland (1999) dalam penulisannya berjudul Teori Pembangunan Sosial di laman web (<http://www.icpd.org/developmenttheory/SocialDevTheory.htm>) berpendapat bahawa pembangunan komunikasi dan sosial secara ringkasnya bermaksud proses pengaturan aktiviti manusia ke peringkat yang lebih tinggi untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Pembangunan meningkatkan kemampuan utilisasi manusia. Menurut mereka, pembangunan komunikasi meliputi dua aspek yang utama iaitu pembelajaran dan aplikasi.

Media massa memainkan peranan yang penting dalam memenuhi aspirasi ini. Ia membantu dalam membangunkan organisasi dan mengakseskan pengetahuan kepada

rakyat, agar rakyat dapat mencapai kejayaan dalam sosial dan ekonomi. Pembangunan rakyat dan negara meliputi interaksi antara manusia dengan sosial dan persekitaran intelektual. Proses pembelajaran ini meliputi sistem sosial dan informasi oleh pihak media massa yang digunakan dalam meningkatkan keberkesanan aktiviti manusia. Ini jelas berlaku di negara India iaitu pembangunan dan pembentukan nilai-nilai murni di kalangan rakyat telah menyatukan mereka untuk membawa kemerdekaan bagi negara India.

Menurut Garry Jacobs dan Harlan Cleveland (1999) dalam artikelnya berjudul " Human Choice : The Genetic Code for Social Development " di laman web (<http://www.icpd.org/development>) berpendapat proses pembangunan rakyat di negara India melibatkan penyusunan semula segala aktiviti rakyat dalam kapasiti sosial. Secara ringkasnya, proses ini telah melahirkan individu-individu yang mempelopori dalam bidang baru sebagai pelengkap dan aspirasi yang baru bagi masyarakat setempat. Perubahan pembangunan menerusi pihak media massa telah mengesahkan aktiviti-aktiviti tersebut dan mula diurus dengan undang-undang, polisi, pemprograman, sistem, organisasi dan institut serta tahap pendidikan. Faktor penyebaran maklumat oleh pihak media massa telah menyebabkan aktiviti-aktiviti ini telah berintegrasi dengan sepenuhnya di kalangan masyarakat setempat serta membuka ruang kepada institut yang lain dalam menerapkannya sebagai satu kebudayaan dan kesenian di kalangan masyarakat setempat ini.

Walaupun, proses ini kelihatan sebagai satu pembaharuan yang progresif namun ia nampak kompleks. Proses kompleks ini telah dibuat pemerhatian menerusi dua bentuk pembangunan yang istimewa dan faktor dalam pencapaian kemerdekaan negara India iaitu *Revolusi Hijau* untuk pembangunan pertanian India dan *Revolusi Teknologi* sehingga India kini digelar sebagai *International Software Powerhouse*. Selepas India mencapai kemerdekaan pada tahun 1947, nilai-nilai kepatuhan dan kesetiaan terhadap negara terus meningkat dan lebih ke arah memenuhi kehendak, pembangunan negara serta peluang dalam menerajui negara.

Yayasan Kebangsaan India (1999) di laman web (<http://nfidel.tripod.com/devcom.html>) berpendapat pembangunan komunikasi mempunyai inisiatifnya yang tersendiri dalam menampilkan semua jenis bidang yang perlu diakses supaya dapat menyampaikan maklumat, dokumentasi dan memenuhi keperluan serta hasrat rakyat dan negara. Yayasan ini turut menganjurkan dan menguruskan dua jenis program bagi para wartawan dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat India khusus dalam prospek pembangunan negara.

Antaranya *program Persahabatan Media* yang diwujudkan bagi membolehkan para wartawan membuat kajian dan penyelidikan serta menulis berhubung projek pembangunan negara yang dianggap kritikal. Sementara *program Pertukaran Media Masa Utara-Timur* telah dibentuk khas untuk mendalami dan mencari penyelesaian terhadap beberapa isu persefahaman antara Bahagian Timur dan Utara India. Kedua-dua program pembangunan ini meliputi kerja-kerja dokumentasi, kepekaan media terhadap

sesuatu isu, membuat keputusan, pemberian kuasa, kempen, pengumpulan dana dan bersemuka dengan sektor-sektor sukarelawan bukan kerajaan.

Program Persahabatan Media telah ditubuhkan oleh yayasan ini bagi menggalakkan para wartawan mencebur diri dalam kegiatan ini. Program ini didapati memberi peluang kepada para wartawan yang berbakat untuk menampilkan profesionalisme, skil penulisan dan tahap pemahaman serta pemikiran media terhadap isu-isu pembangunan negara. Objektif persatuan ini ialah untuk membentuk keprihatinan, pemerhatian dan kepekaan media berhubung isu-isu pembangunan nasional sebagai langkah positif dalam membina dan mendapat sokongan orang awam berhubung peranan kerajaan dalam pembangunan negara. Di sinilah letaknya peranan media massa dalam mempromosikan agenda kerajaan dalam bentuk penyampaian komunikasi yang berkesan supaya dapat mensasarkan isu-isu pembangunan terhadap rakyat.

, Program ini juga bertujuan menggalakkan kecemerlangan dalam dunia kewartawanan jika dibandingkan dengan profesion wartawan barat yang lebih memberi ruang kepada dialog polisi-polisi pembangunan untuk menyebarkan maklumat. Misalnya tema program persahabatan media pada tahun 1995-1996 ialah "*The Girl Child*" yang menjadi isu kebangsaan bagi negara India. Ketika itu, media massa memainkan peranan yang penting dalam menyedarkan masyarakat India akan kepentingan dan penglibatan kaum wanita dalam pembangunan negara. Ini termasuk juga aspek penghormatan, ruang pendidikan kaum wanita yang setaraf dengan kaum lelaki, membantah dikriminasi kaum wanita dan menghentikan pembunuhan bayi wanita yang kian berleluasa di kalangan

masyarakat kampung yang menganggap bayi perempuan sebagai sial dan beban untuk dikahwinkan kelak.

Yayasan Kebangsaan India menganjurkan pelbagai program seumpama ini dengan harapan pihak media dapat membangkitkan pelbagai isu dan masalah dalam pembangunan negara dengan penyertaan ramai wartawan belia yang sensitif dan peka terhadap sebarang isu atau masalah dalaman yang dihadapi oleh rakyat India. Yayasan ini membenarkan mereka membuat penyelidikan dan menerbitkan artikel-artikel yang menjadi agenda kerajaan dengan secepat mungkin serta tidak menuding jari terhadap mana-mana pihak. Dua tahun yang lepas, lapan orang wartawan dari pelbagai wakil media telah memenangi beberapa anugerah kerana telah menyuarakan masalah rakyat India. Artikel mereka telah dikeluarkan dalam bentuk buku yang digelar sebagai *Assingment*.

Program Pertukaran Media Massa Utara-Timur pula adalah hasil penubuhan oleh Unit Pembangunan Komunikasi di Utara-Timur. Kepekaan suratkhabar dan wartawan berhubung isu-isu rakyat dan negara adalah kurang memuaskan di Utara Timur India sehingga anggapan rakyat terhadap sesuatu isu atau keadaan adalah tidak tepat dan wujud jurang perbezaan yang besar dalam konsep pemahaman mereka. Maka program ini diwujudkan bagi membolehkan rakyat memahami pembangunan kerajaan serta mengadakan sesi pertukaran wartawan media elektronik dan media cetak di Bahagian Timur Utara. Program ini menganggap kerjasama ini dapat melahirkan suasana komitmen yang aman menerusi pertukaran maklumat, tahap penyebaran maklumat serta

meningkatkan kepekaan dan pemahaman orang awam berhubung isu-isu pembangunan rakyat dan negara oleh media masa.

Sementara Jan Servaes (2000) dalam bukunya *Walking on the other side of the Information Highway : Communication, Culture and Development in the 21st Century* berpendapat bahawa pengenalan informasi oleh pihak media dan kemajuan teknologi komunikasi telah memajukan kawasan bandar dan pedalaman di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Di kalangan negara membangun, televisyen satelit dan gaya hidup barat telah membawa perubahan ke dunia ketiga sehingga hari ini lebih daripada seorang remaja telah kehilangan adat dan kebudayaannya sendiri dalam penerimaan maklumat dari media elektronik. Informasi dan teknologi komunikasi adalah sektor yang paling dinamik di dunia. Asia yang mempunyai bilangan penduduk hampir separuh populasi dunia, kini menjadi peneraju ekonomi yang dinamik sehingga kebanyakan pemimpin ekonomi adalah berasal dari benua Asia. Pada waktu yang sama, rakyat Asia ialah pengguna dan pembuat teknologi informasi dan komunikasi pembangunan.

Menurut Jan Servaes (2000) kebanyakan kerajaan digalakkan oleh IMF (International Monetary Fund) dan Bank Dunia untuk membuat strategi nasional bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Tugas utama ini telah lama diberikan kepada pihak media dalam menyalurkan dan menyebarkan maklumat kepada rakyat berhubung pembangunan sosio-ekonomi negara. Kadang-kala kerajaan lupa tentang penyaluran maklumat oleh media dan teknologi komunikasi yang bukan sahaja memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi malah mengubah struktur organisasi politik dan sistem

nilai sosio-budaya dalam sesebuah masyarakat. Beliau menganggap kemajuan ekonomi dan teknikal mempunyai erti yang besar dalam pembangunan rakyat dan negara kerana ia memberikan kesan yang mendalam terhadap perubahan kebudayaan dan kesenian rakyat. Sesetengah penggubal polisi beranggapan bahawa rakyat boleh maju dengan corak gaya hidup barat dan pada masa yang sama mengekalkan beberapa adat kebudayaan dan kesenian mereka. Jan Servaes turut meninjau sejauh manakah pengaliran maklumat dan peranan media dalam kehidupan manusia. Beliau meninjau persoalan ini dengan melihat masalah-masalah dalam pembangunan komunikasi dari sudut perpektif berlainan yang berkait rapat dengan faktor-faktor sejarah, masa depan, aplikasi teori-teori, institut kerajaan dan bukan kerajaan, startegi negara dan metodologi.

Tiga orang penulis eseai dalam buku Jan Servaes iaitu Carlos A. Arnaldo, John Sinclair dan Chin Saik Yoon telah membuat beberapa perhatian secara umumnya berhubung isu komunikasi, kebudayaan dan pembangunan.

Carlos A. Arnaldo (2000) menerusi artikelnya berjudul "A Clockwork Orange, 1984 or The Power to be" menerangkan sekiranya sesuatu kawasan mempunyai perbezaan etnik, nilai-nilai kebudayaan dan kesenian atau kepercayaan agama maka kawasan tersebut mempunyai potensi wujudnya percambahan kebudayaan dan sosial yang baru atau perkahwinan campur. Beliau percaya bahawa media elektronik khasnya televisyen menerusi penggunaan kesan globalisasi, kecekapan serta kepantasannya dalam menyiaran program-program filem dan drama yang boleh mempercepatkan proses ini. Bagaimanapun, proses ini dianggap mempunyai kesan yang negatif dan

positifnya kerana ia boleh menghasilkan idea dan pengaruh terhadap keganasan, tidak tolak ansur, pemahaman mahu pun keamanan. Arnaldo (2000) berharap media massa mempunyai potensinya dalam mengadakan forum untuk bertukaran idea dan cadangan khasnya memberi ruang untuk membincangkan isu-isu sejagat atau dialema di zon yang mempunyai konflik seperti perang dan kebuluran.

Menurut beliau, media elektronik khususnya televisyen harus menyiaran pidato, bahas, dialog dan talk show antara pemimpin negara dan rakyat harus diadakan dari semasa ke semasa dengan menyentuh isu-isu semasa dan konflik seperti tindakan sesetengah pihak dalam mengguling rakyat dan kerajaan, pencerobohan sempadan negara, kepercayaan, nilai-nilai kesenian dan kebudayaan, interaksi sosial dan aspirasi pembangunan sosio-ekonomi rakyat serta negara. Arnaldo (2000) menegaskan media seharusnya tampil ke hadapan dalam mengukuhkan keamanan negara dan menyedarkan rakyat dengan membandingkan dengan konteks negara-negara luar yang masih berperang akibat rusuhan kaum, penindasan, penaklukan kuasa dan kebuluran. Media yang berdikari harus menyiaran dan menerbitkan pendapat orang awam berhubung tindakan kerajaan dalam sesuatu isu-isu nasional dan sejagat yang mengugat ketenteraman rakyat dan negara.

John Sinclair (2000) dalam kumpulan eseinya yang berjudul *The Decentering of Cultural Imperialism : Television and globalization in the Latin World* pula menerangkan corak pembangunan industri televisyen di dunia pada era tahun 60-an lebih ke arah " perluasan kebudayaan " iaitu menekankan Amerika Syarikat sebagai satu

pusat penerimaan semua kebudayaan dari serata dunia serta pemprograman sistem televisyennya lebih ke arah menonjolkan semua budaya yang terdapat di negara mereka. John Sinclair (2000) mengambil contoh dasar perluasan kebudayaan ini sebagai satu sumber rujukan di mana telah berlaku proses perubahan kebudayaan serta menunjukkan peri pentingnya pengaruh kebudayaan di dunia menerusi peranan dan pendedahan media massa. Menurut beliau :

On one hand, the Center-Periphery Model of world power has been made obsolete by the fundamental shifts of the last decade, and the rise of globalization. This is characterized by the eclipse of the nation state as the basic economic, political and socio-cultural unit of world order and the ascendancy of the private corporation, with its power base in globalize industrialization, trade and communication. On the other hand, the cultural imperialism paradigm's view of mass media as mechanism of cultural "homogenization" is now challenged by the recent "ethnographic" trend in empirical audience studies and an emergent theoretical view of culture as a form of resistance through mediation.

(The Decentering of Cultural Imperialism: Television and globalization in the Latin World, 2000, p.15)

Perluasan kebudayaan ini telah menunjukkan sejauh manakah televisyen komersial telah memainkan peranan yang penting di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Kes ini telah didapati di stesen Televisa di Mexico dan TV Globo di Brazil yang bukan sahaja memainkan peranan penting dalam mendominasikan pasaran media nasional malah penyiaran program dan rancangan-rancangan perdagangan antara

Amerika Latin dan Eropah serta liputan pasaran saham Eropah secara tertutup. Televisa telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan rakyat Mexico iaitu telah memperkenalkan satu saluran televisyen berbahasa Spanish yang pertama di Amerika Syarikat dan perkhidmatan satelit antarabangsa yang pertama di dunia yang boleh menghubungkan rakyat Amerika dengan rakyat Eropah. Ia bukan sahaja menghubungkan isu-isu pasaran domestik dan komersial malah penciptaan teknologi, kebudayaan telah muncul sebagai faktor dalam mengembangkan pasaran antarabangsa dalam produk audiovisual. Kedudukan startegik global telah dicapai menerusi penyiaran program-program oleh Televisa dan TV Globo yang membuat analisis berhubung isu-isu globalisasi seperti menambahkan bilangan pusat kebudayaan di merata negara dan menitik beratkan kesenian negara serta perlaksanaan dasar penswastaan di negara tersebut.

Saik Yoon Chin (2000) menerusi eseinya yang berjudul " Development Communication in Asia " dalam buku Jan Servaes (2000) di laman web (<http://www.icpd.org/development theory/SocialDevTheory.htm>) telah mengenal pasti beberapa penemuan data dari Asia. Chin memperluas perspektifnya dengan melihat peranan media massa dalam pembangunan komunikasi yang melibatkan pelbagai bidang. Bagaimanapun pada peringkat aplikasi, beberapa perspektif pembangunan komunikasi telah diterima dan diikut.

Perspektif pertama menganggap komunikasi sebagai satu proses yang sering dilihat dalam pembentukan pembangunan rakyat dan negara. Proses ini tidak terhad pada

media massa sahaja mahu pun mesej yang disalurkan oleh media masa malah melibatkan interaksi masyarakat dalam jaringan hubungan sosial. Faktor penerimaan, penilaian dan penggunaan mesej media dari pelbagai sumber adalah amat penting bagi mereka dalam membuat sebarang penghasilan perkhidmatan mahu pun pemindahan maklumat.

Perspektif yang kedua ialah komunikasi media massa dianggap sebagai satu sistem pengabungan antara komunikasi media dan saluran interpersonal yang mempunyai kesan mendalam yang kukuh. Dengan erti kata yang lain, media massa tidak harus tersisih daripada saluran yang lain.

Perspektif yang ketiga ialah komunikasi pembangunan ialah proses yang berlaku antara pelbagai sektor awam dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Pandangan ini tidak terbatas kepada informasi atau stesen penyiaran atau kementerian malah berkait rapat dengan semua sektor. Maka keupayaan dalam mempengaruhi, mengekalkan dan mempertahankan pembangunan adalah bergantung pada faktor integrasi rakyat.

Alan Hancock (2000) menerusi artikelnya " UNESCO's Contributions to Communication, Culture and Development " dan Janusz Symonidesz (2000) menerusi penulisan eseinya " Towards a Human Rights Agenda for the 21st Century " menfokuskan UNESCO dalam membuat beberapa pemerhatian. Menurut Alan Hancock, kecenderungan UNESCO terhadap media komunikasi adalah berbentuk holistik dan merangkumi semua aspek seperti teknologi, sosial, politik dan kebudayaan serta keseniaan. Secara keseluruhannya, majoriti agensi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

mempunyai kecenderungan dalam komunikasi pembangunan sama ada dalam bentuk teknikal (ITU) , industrinya (seperti UNIDO) atau sumbangannya dalam bidang-bidang tertentu seperti pertanian, kesihatan, populasi dan pekerjaan (FAO, WHO, UNFPA, ILO). Sedangkan dalam kes UNESCO, Alan Hancock berpendapat minat UNESCO adalah lebih ke arah melihat bagaimakah interaksi dan dimensi individu wujud secara serentak di dalam masyarakat dan sistem sosial termasuk tempatan dan antarabangsa. Ini adalah kekuatan tersendiri UNESCO dalam melihat komunikasi pembangunan.

Janusz Symonidesz (2000) lebih menekankan isu-isu global seperti masalah dalaman kebudayaan dan kesenian serta hak asasi manusia. Beliau menilai kesan globalisasi kebudayaan terhadap hak asasi manusia. Menurut beliau, pembentukan proses ini adalah berbentuk jangka panjang yang boleh dikecapi menerusi penggubalan sistem pendidikan yang komprehensif , latihan dan penyaluran maklumat oleh media masa terhadap semua kumpulan dalam masyarakat khasnya kanak-kanak, wanita, kumpulan minoriti, masyarakat asli dan golongan istimewa yang meliputi semua tahap pendidikan. Pada pendapat Alan Hancock (2000) pendidikan adalah penting dalam pembentukan hak asasi manusia dalam semua aspek. Namun usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen media masa kerana penyaluran maklumat oleh media massa mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan sikap, pengadilan, pemupukan dan penerapan nilai yang memastikan wujudnya hubungan antara individu dengan kumpulan yang mempunyai kepercayaan agama dan kebudayaan masing-masing.

Menurut Symonidesz :

The culturally homogenizing effect of globalization, the gradual process of adopting common values and behavioral patterns reinforces the universality of human rights, establishes ties and linkages between various parts of the world and helps to eliminate certain traditional practices which may be qualified as discriminatory. However, the mixed blessings of cultural rights of vulnerable groups like persons belonging to minorities, indigenous peoples or immigrant workers. It also undermines existing cultural identities, weakens various ethical norms, social cohesion, as well as the feeling of belonging and by this contributes to the proliferation of various internal conflicts .

(Towards a Human Rights Agenda for the 21st Century, 2000, p.4)

Bahagian ketiga, buku Jan Servaes *Walking on the other side of the Information Highway : Communication, Culture and Development in the 21st Century* menfokuskan pendekatan di antara komunikasi pembangunan dan strategi yang digunakan oleh pihak media. Tiga penyumbang utama ialah Jan Servaes, Anura Goonasekera dan Anamaria Decock berkongsi pendapat masing-masing berhubung masalah dan perbezaan dalam pendekatan ini. Mereka bersepakat bahawa tidak ada pendekatan yang khusus yang boleh digunakan dalam semua situasi dan fleksibiliti amat penting dalam memilih sebarang pendekatan startegi komunikasi pembangunan.

Jan Servaes (2000) dalam kumpulan eseinya Advocacy Strategies for Development Communication membezakan dua strategi asas yang bertentangan yang

dipraktis dan dilihat sebagai extrim yang berterusan iaitu strategi dalam membuat keputusan dan strategi dalam mendapat keputusan. Maka beliau meminta hanya satu kombinasi polisi atau strategi yang boleh digunakan. Menurut beliau, di kalangan negara-negara Asia kebanyakannya sumber informasi boleh diperolehi daripada pihak media massa. Data asas yang disiarkan di televisyen tempatan dan diterbit dalam akhbar, digunakan untuk melancarkan kempen-kempen media. Di sesetengah negara, data-data seumpama ini adalah sukar didapati. Strategi penyebaran informasi dan penyedaran masyarakat menerusi penganjuran kempen haruslah mengetahui kekuatan dan kelemahan beberapa medium maklumat yang lain misalnya media cetak lebih ke arah mewujudkan literasi membaca di kalangan pembaca akhbar dan majalah. Penganjur kempen juga harus menumpukan perhatian terhadap kos pengendalian setiap medium. Penyebaran maklumat menerusi media elektronik seperti televisyen adalah amat berkesan tetapi menelan perbelanjaan yang tinggi. Bagi menyebarkan maklumat dan menyedarkan masyarakat , kempen seharusnya membuat pemahaman yang asas berhubung beberapa isu negara, potensi media massa dalam membuat liputan dan sasaran khalayak bagi kempen media. Jan Servaes (2000) berharap pada masa yang akan datang, kempen-kempen media massa harus memberi penekanan terhadap isu-isu sosio-politik dan ekonomi.

Menurut pengkaji, media massa adalah sub-sistem yang menyantumkan segala aspek seperti birokrasi, pasaran dunia, persekitaran sosio-ekonomi dan yang terkini adalah penyaluran sistem dunia atau sistem sesebuah negara yang mempunyai hubungan dengan negara-negara luar yang mempunyai perbezaan ideologi. Penggunaan media

massa adalah bergantung pada faktor ini dalam mewujudkan perhubungan yang erat di kalangan sesetengah negara. Mereka yang bercadang ingin menggunakan saluran media seharusnya mengetahui perundangan yang berkait rapat dengan media masa, melihat operasi media di bawah peraturan dan prosedurnya dan siapakah pemilik media tersebut. Pengetahuan ini amat penting dalam menganjurkan sebarang kempen untuk memberi pendedahan maklumat kepada rakyat .

Anamaria Decock (2000) dalam eseinya " Tapping Local Cultural Resources for Development " memberikan perpektif yang berbeza iaitu komunikasi pembangunan bukan sahaja meliputi peranan media massa malah rakyat di sesebuah negara. Pembangunan rakyat dalam sesebuah negara memerlukan interaksi, perbincangan dan dialog di kalangan masyarakat. Beliau telah mengambil contoh negara Afrika di mana proses demokrasi Afrika berlaku pada akhir tahun 80-an dan pilihan raya yang berlangsung pada tahun 1994 telah menimbulkan beberapa persoalan besar dalam pembangunan negara iaitu komunikasi politik dan peranan media massa dalam membawa perubahan dalam politik negara Afrika. Beliau telah menekankan dua faktor yang telah bertanggungjawab dalam kegagalan komunikasi pembangunan yang memberi kesan yang mendalam terhadap Afrika. Faktor yang pertama ialah benua tersebut sedar akan pembangunan komunikasi dan agenda utama pembangunan negara yang ditetapkan oleh kuasa luar bagi menjajah rakyat Afrika dari segi matlamat dan isu-isu yang mementingkan diri mereka. Faktor yang kedua ialah para penyelidik komunikasi pembangunan telah menggunakan teknik kajian yang direka untuk memenuhi keperluan rakyat barat yang tidak sesuai dengan kebudayaan mahu pun cara hidup rakyat Afrika

yang tidak berliterasi serta hidup di kawasan pedalaman. Hampir kebanyakan penyelidikan komunikasi pembangunan disasarkan kepada golongan yang tidak tepat dalam memperolehi data penyelidikan.

Seperti yang telah dibincangkan tadi, kepelbagaian pentafsiran konsep komunikasi pembangunan juga tercermin dalam penerapannya dalam pelbagai sektor pembangunan negara . Keragaman itu jelas kelihatan pada beberapa bentuk atau unit kegiatannya menerusi peranan media masa yang mengenakan label yang berlainan namun jelas menunjukkan hubungan dan kesamaan antara satu sama lain. Misalnya, Quebral (1978) menulis dalam kajiannya,

Sekiranya riwayat komunikasi pembangunan pernah ditulis, maka salah satu sumbangan yang elok dicatat ialah mempopularkan idea pembangunan di kalangan komunikator profesional dan sekali gus di tengah-tengah orang awam. Dalam hubungan ini, dapat dikenalpastikan beberapa lapangan kegiatan yang menonjol yang pada hakikatnya memiliki misi yang sama, yakni mengkomunikasikan idea dan program pembangunan kepada khalayak yang menjadi sasaran sebagai penerima manfaat kegiatan yang berkenaan dalam pembangunan negara ".

(The Normative Elements in Development Communication : Some Implications, 1978, p.20-22)

Penerapan komunikasi pembangunan dalam sektor kehidupan yang dikemukakan tadi jika dikaji lebih jauh menunjukkan persamaan beberapa sifatnya yang antara lain ialah :

- i. Menerapkan prinsip, sistem dan teknologi komunikasi sebagai salah satu komponen yang tergolong dalam pencapaian pembangunan serta kemajuan rakyat dan negara.
- ii. Memberikan peranan yang amat penting bagi komunikasi dalam rangkaian struktur kegiatan pembangunan yang berkenaan.
- iii. Menggunakan dan mengembangkan kaedah serta pendekatan yang sistematik dalam manfaatkan komunikasi pada sektor-sektor pembangunan ekonomi.
- iv. Memperlihat kesinambungan dan saling belajar daripada pengalaman dalam bidang yang lain khususnya dalam hal manfaatkan teknologi komunikasi.

Setelah kita melihat definisi kajian dan maksud pengertian komunikasi pembangunan bahawasanya RTM adalah badan penyalur utama maklumat kerajaan kepada orang ramai dan bertindak sebagai media pembangunan negara. Objektif umumnya ialah untuk memberikan perkhidmatan penyiaran dan penyebaran maklumat bagi membina sikap peribadi, pemikiran dan nilai-nilai yang sesuai untuk memajukan dan menjayakan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat selaras dengan cita-cita negara. Ini selaras dengan matlamat utamanya dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmonis dan bersatupadu serta membantu mewujudkan sebuah rakyat dan negara yang maju.

2.4.2 Latar Belakang Masyarakat Malaysia

Malaysia merupakan salah sebuah negara di dunia yang sedang menghadapi proses pembangunan yang pesat. Seperti negara membangun yang lain di dunia, Malaysia menganggap televisyen sebagai agen pembantu dalam mempercepat proses pembangunan negara, rakyat atau sebarang perubahan dalam masyarakat. Jenis perubahan yang selalu diharapkan ialah perubahan kepada suatu sikap dan semangat baru yang bersesuaian dengan prinsip pembangunan ekonomi dan masyarakat yang telah digaris dan dirancangkan oleh kerajaan.

Prinsip pembangunan ekonomi dan rakyat Malaysia dirancangkan berdasarkan pola sosial masyarakat di negara ini yang daripada segi prinsipnya, pola ini sama dengan bentuk masyarakat negara lain yang sedang membangun. Antara sifat tersebut ialah :

- I Masyarakat Malaysia adalah daripada kelompok masyarakat yang pernah dijajah oleh kuasa luar.
- II Kegiatan ekonomi yang utama adalah berlandaskan pertanian dan perindustrian
- III Mempunyai latar belakang masyarakat yang dibentuk oleh kelompok etnik,bahasa, agama yang berbeza
- IV Pernah menghadapi masalah kadar buta huruf dan kematian bayi yang tinggi
- V Jurang pendapatan yang sangat berbeza antara yang berada dengan yang tidak berada

Bertolak daripada fakta di atas, satu sistem pembangunan ekonomi dan sosial dibentuk sebagai satu formula yang dianggap dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut. Sejak awal lagi, televisyen telah dijadikan salah satu alat perantaraan untuk menyalurkan utusan pembangunan yang dikira dapat membantu menyegerakan usaha ke arah menyelesaikan masalah tersebut.

2.4.3 Konsep RTM Sebagai Media Pembangunan Rakyat dan Negara

RTM ialah sebuah jabatan kerajaan. Oleh yang demikian segala aktiviti dan perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut dasar yang ditentukan oleh kerajaan dari masa ke semasa dalam merangka dan melaksanakan dasar penyiarannya. Perkhidmatannya mempunyai matlamatnya yang tersendiri yang dijadikan panduan dasar kepada Jabatan Penyiaran dan juga lain-lain jabatan di bawah Kementerian Penerangan. Dengan matlamatnya yang tersendiri ternyata RTM mempunyai mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama seperti agensi-agensi kerajaan yang lain dalam menjalankan usaha pembangunan negara. Cuma cara pendekatan atau cara penyempurnaannya adalah berbeza. RTM sebagai badan penyiaran yang bertaraf antarabangsa sudah tentu seberapa boleh akan cuba menerbitkan rancangan-rancangannya sendiri, yang berlatar belakangkan kehidupan, adat resam dan kebudayaan Malaysia.

Di sini kerajaan bertindak sebagai pihak yang berwibawa dalam menentukan rancangan-rancangan yang sesuai bagi memenuhi keperluan dan kehendak khalayak dan menjadikan RTM sebagai media pembangunan negara dalam mencapai aspirasi negara.

Di bawah ini, kita akan melihat keberkesanan yang telah dimainkan oleh RTM sebagai media yang membangunkan rakyat dan negara selepas Malaysia mengecapi kemerdekaannya pada tahun 1957 dan perubahan selepas zaman kemerdekaan.

RTM dan Pembentukan Moral

Pengaruh TV ke atas pembentukan moral merupakan satu topik hangat yang sering diperbincang dari semasa ke semasa. Kita menyedari bahawa televisyen sememangnya mempengaruhi kehidupan kita, namun tahap impaknya agak berbeza antara satu sama lain. Maka apabila kita membicarakan isu-isu pembentukan moral dan pengaruhnya, ini bermaksud kita membincangkan dua perkara yang dekat di hati kita iaitu masyarakat hari ini amat prihatin akan isu-isu moral dan begitu juga dengan penyiar. Saban hari televisyen memaparkan berita-berita yang mencelikkan warga Malaysia mengenai segelintir masyarakatnya yang semakin luntur moralnya. Kita seolah-olah sudah lali dengan berita dadah, rompak, rasuah, pecah amanah, bunuh, khalwat, rogol, buang anak, masalah juvana dan pelbagai masalah lagi yang dikaitkan dengan keruntuhan akhlak.

Di sinilah letaknya peranan RTM dalam MEMBANTU menangani masalah keruntuhan moral melalui rancangan-rancangan dan pemrograman televisyen dan siaran radio. Ini selaras dengan matlamat RTM iaitu fungsi 4M iaitu memberitahu, mendidik,

membujuk dan menghibur iaitu selain mendapatkan keuntungan bagi stesen komersial. RTM memainkan peranan khusus dalam pelbagai aspek iaitu membantu pembangunan negara, perkembangan minda, mengukuh norma-norma sosial, membentuk citarasa, mempopularkan pengetahuan, membantu pendidikan dan latihan serta yang umum sekali ialah dalam membantu pembentukan moral sama ada secara langsung atau tidak langsung.

RTM berperanan turut membantu dalam mencapai pembentukan akhlak yang murni dengan tidak membatasi diri terhadap sesuatu kaum atau agama sahaja sebaliknya selaras dengan wawasan negara yang menekankan kepada keharmonian rakyat dan kemajuan pembangunan negara.

Sejak kelahiran TV dalam tahun 1963, telah menjadi matlamat RTM sebagai penyiar nasional untuk memberi perkhidmatan dan menyebarkan maklumat melalui radio dan televisyen bagi membina sikap, peribadi, pemikiran dan nilai-nilai yang sesuai untuk memajukan dan menjayakan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat selaras dengan cita-cita negara. Di samping memupuk perpaduan nasional, RTM juga berperanan dalam menggerakkan minda rakyat, meningkatkan kesedaran sivik serta memberi penerangan dan pendidikan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, RTM memberi tumpuan khusus kepada konsep INFOTAINMENT yakni penyiaran program maklumat dan hiburan selaras dengan kedudukannya sebagai stesen penyiaran perkhidmatan awam (public broadcaster). Kita mengetahui bahawa televisyen merupakan media elektronik yang amat penting dan berpengaruh untuk berkomunikasi dengan rakyat dalam membantu usaha-

usaha memupuk nilai-nilai murni di jiwa rakyat. Pemprograman RTM mencerminkan hasrat pembangunan negara. TV1, Saluran Perdana menyiarkan 80 % rancangan tempatan dan 20% rancangan import sementara TV2, Saluran Emas menyiarkan 45% rancangan tempatan dan 55% rancangan import. Lebih kurang 40% daripada rancangan tempatan adalah terbitan swasta dan 60% terbitan RTM.

Jadual 2.1 : Peratus Masa Siaran Terkini Mengikut Kategori Rancangan

(dikeluarkan oleh Sekretariat RTM) adalah seperti berikut :

Kategori Rancangan	TV1 (%)	TV2 (%)
Agama	5	2
Drama	19	40
Hiburan	5	12
Iklan	9	11
Kanak-kanak	7	8
Penerangan & Pendidikan (termasuk berita)	50	26
Sukan	5	1
Jumlah	100	100

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2001

Kajian penonton TV RTM di Lembah Kelang mendapati lima rancangan yang paling ramai penontonnya sepanjang minggu (1 hingga 7 Januari 2000) ialah Berita sebanyak (69.6%) , Drama (65.9%) , Filem (63.1%) , Hiburan (27.4%) dan kanak-kanak (25.9%) . Ia bertepatan sekali dengan dasar RTM dalam menyelitkan mesej-mesej yang berkaitan isu moral dalam pemrograman tersebut selain menerusi rancangan agama. Contoh-contoh rancangan ialah *Vista*, *Nada Suara*, *Selamat Pagi Malaysia*, *Drama Cina*, *Prisma*, *Pintar Pintas*, *Such A Genius* dan *The Highlanders Kids*.

Selain itu, isu-isu moral turut dimuatkan secara langsung dalam rancangan-rancangan agama seperti *Soaljawab Agama*, *Ehwal Islam*, *Forum Perdana*, *Visi Suci*, *Interaksi* serta drama pada bulan Ramadan seperti *Siti Hajar*, *Umi*, *Nur Hikmah* dan *Hayati*. Siri kes *Juvana* dan *Bicara Hati* juga menyentuh isu-isu moral secara langsung. Rancangan-rancangan ini membawa mesej positif yang boleh dijadikan iktibar. Rancangan-rancangan *Minda* dan *Global*, walaupun tidak membincangkan isu pembentukan moral secara langsung namun rancangan ini membicarakan topik-topik yang mampu membuka minda rakyat.

Rancangan-rancangan import yang disiarkan juga mengandungi mesej-mesej positif sejagat. Walaupun tidak melambangkan budaya kita, kebanyakan filem-filem asing memberi pengajaran yang baik. Contohnya, *Chicago Hope*, *ER*, *Oprah*, *Beyond Reasonable Doubt*, *Sesame Street*, *Barney and Friends* dan *Polka Dot Door*. Memang tidak dapat dinafikan, dalam kebanyakan filem import terselit juga satu dua program yang tidak secocok dengan nilai budaya ketimuran.

RTM kemudiannya menggorak langkah dalam usaha memperbanyak penerbitan rancangan tempatan dengan memperkenal projek penswastaan rancangannya dengan tumpuannya terhadap penerbitan drama. Kemudiannya ia turut meliputi rancangan berbentuk dokumentari, kanak-kanak, agama dan hiburan.

Peranannya dalam mengintegrasikan masyarakat

Peranan RTM juga terserlah dalam membangunkan rakyat Malaysia yang bersatu padu dan memelihara keamanan serta keharmonian menerusi pemprograman rancangan yang disiarkan. RTM mempunyai dasar serampang dua mata iaitu mewujudkan saluran televisyen yang berkualiti tinggi bagi memenuhi selera khalayak dan siaran rancangan yang dapat memenuhi tuntutan sosial selaku media pembangunan negara selaras dengan matlamat kerajaan.

Malaysia terdiri daripada pelbagai ras dan etnik dan kepelbagaian etnik ini masyarakat Malaysia digelar sebagai masyarakat majmuk. Konsep masyarakat majmuk telah dikemukakan oleh JS Furnivell (1939) berdasarkan kajiannya di Burma dan Indonesia. Konsep ini merujuk kepada masyarakat yang bercirikan kepada perpecahan dan konflik antara kaum yang tinggal di bawah satu sistem politik.

Menurut beliau, walaupun golongan ini digelar sebagai masyarakat majmuk namun mereka masih tidak boleh dianggap sebagai masyarakat yang bersatu padu. Ini

adalah berikutan tiap-tiap kumpulan mempunyai agama, budaya, bahasa, pemikiran dan cara hidup yang masing-masing. Antara rancangan-rancangan yang disiarkan bagi memupuk perpaduan di kalangan kaum ialah rancangan-rancangan seperti *Hari Pahlawan, Hari Kebangsaan, Perarakan Citrawarna, Hari Pekerja, Hari Wanita, Perutusan Perdana Mneteri atau Agong yang berucap* pada setiap perayaan pelbagai kaum, *Di Ambang Merdeka, Hari Perpaduan dan Hari Kanak-kanak Sedunia*. Rancangan-rancangan ini telah disiarkan sepanjang tahun lepas bagi memupuk perpaduan dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat negara ini. Perancangan awal dan pembentukan pola rancangan seumpama ini tepat dan selaras dengan matlamat RTM iaitu *membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Malaysia di kalangan masyarakat berbilang kaum.*


Sehubungan dengan itu, penubuhan Bahagian Hal Ehwal Awam di RTM adalah selaras dengan matlamatnya dalam melahirkan kesedaran sivik, menggalakkan perkembangan kesenian negara serta mengeratkan perasaan muhibah di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Dengan penggunaan rancangan-rancangan yang disebut di atas, bahagian ini juga membolehkan rakyat memahami dengan tepat dan menerima rancangan dari projek-projek kerajaan. Pengenalan siaran TV pagi yang bermula pada 1 Mac 1994 membolehkan lebih banyak pemrograman berbentuk informasi ditambah melalui slot " *Selamat Pagi Malaysia* " seperti Slot " *Subuh Pagi, Akhbar Hari Ini, Bicara Islam, Isu Semasa dan Bicara Siswa* serta penyiaran berita pada awal pagi iaitu jam 07:00 pagi antara yang pertama di kalangan stesen-stesen yang lain membawa isu-isu terkini dari luar dan dalam negara.

Keadaan ini juga pernah disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam bukunya *Malay Dilemma* iaitu masyarakat negara ini suatu ketika dahulu hanya bercampur atau bergaul ketika di pasar iaitu ketika membuat urusan jual-beli. Sebelum merdeka, Malaysia menentang kuat berhubung isu kerakyatan secara jus soli bagi masyarakat Cina dan India. Situasi ini masih sama ketika pembentukan Malaysia pada tahun 1963, walau pun orang Melayu menerima etnik lain namun hubungan antara kaum masih mempunyai jurang yang besar berikutan faktor agama, budaya dan ekonomi.

Sebelum pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB), perbezaan etnik adalah selari dengan perbezaan ekonomi sehingga wujudnya ketegangan di kalangan kaum dan ketidak stabilan politik. Kedua-dua faktor ini telah meletuskan kemuncak ketegangan kaum. Namun di sebalik berlakunya tragedi berdarah pada 13 Mei 1969, terdapat rahmat yang terselindung di dalamnya. Bagi mengeratkan hubungan antara kaum maka satu institusi perlu ditubuhkan bagi memainkan peranan yang penting dalam membentuk struktur sosial masyarakat. Maka, RTM sebagai media rasmi kerajaan telah ditubuhkan bagi mewujudkan integrasi antara kaum dan memupuk semangat kekitaan di kalangan masyarakat negara ini di zaman selepas Malaysia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957.

Dalam rakyat negara yang berbilang kaum, budaya, berlainan agama yang tinggal bersama dalam keadaan tahap ekonomi yang berbeza telah menjadi cabaran bagi

RTM dalam menentukan penjadualan rancangan dan pemprogramannya. Perancangan penerbitan program-program tempatan telah disesuaikan dengan peranan RTM sebagai lidah rasmi kerajaan di mana alternatif-alternatif yang diambil harus dilakukan dengan lebih teliti dan mengenal pasti secara dekat sama ada khalayak menonton rancangan-rancangan yang disiarkan dalam televisyen. Ia juga selaras dengan visi RTM iaitu sentiasa menjadi TEMAN SETIA ANDA dengan mengutamakan khalayak, perkhidmatan berkualiti dan kecemerlangan yang bertunggakkan :



Di samping itu, RTM juga telah mengidentifikasi golongan khalayak dan sasaran perancangan pemrograman yang amat penting dalam penyiaran RTM. Untuk ini, penyelarasan yang teliti telah dibuat agar polarisasi kaum tidak berlaku. Untuk melaksanakan penyediaan dan penyiaran ke arah mewujudkan satu identiti Nasional dengan penontonan khalayak yang ramai, maka dasar penyiaran RTM terhadap matlamat integrasi kaum adalah berdasarkan konsep Rukun Tetanga, Akta Penyiaran dan Dasar Komunikasi Negara.

Dasar Kebudayaan Nasional

Dalam pada itu, Dasar Kebudayaan Nasional yang pada awal ditubuhkan tidak mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan orang ramai pada zaman 70-an. RTM ternyata cuba menerangkan kepada rakyat konsep Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia serta ia hendaklah dianggap sebagai asas penting dalam menentukan input-input penyiaran.

- i. *Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebangsaan rakyat asal di rantau ini.*
- ii. *Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan.*
- iii. *Islam merupakan unsur penting dalam penentuan Kebudayaan Kebangsaan itu.*

Rancangan-rancangan yang disiarkan ternyata menonjolkan ciri-ciri kebudayaan kebangsaan yang harus melambangkan ciri-ciri khusus ke arah mewujudkan satu identiti bangsa yang dapat menembusi benteng perbezaan kaum di negara ini serta dapat dikenali sebagai satu bangsa di peringkat antarabangsa. Kebudayaan Kebangsaan berperanan mengukuhkan perpaduan, rasa kekitaan dan rasa kepunyaan di kalangan rakyat dan suku. Kebudayaan Kebangsaan adalah lambang jiwa, norma dan rohani bangsa Malaysia. Semangat seperti ini juga harus ada dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu pula tidak menyekat pengekalan budaya kauman dan sukuhan di dalam kehidupan harian kita.

Berpegang pada matlamatnya *mewujudkan kesedaran sivik dan menggalakkan perkembangan seni dan kebudayaan Malaysia*, pemprograman RTM diatur bagi meninggikan syiar agama rasmi iaitu agama Islam dengan memberikan liputan luas tentang aktiviti agama yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Pola rancangannya lebih ke arah menyebarkan ajaran agama Islam dan menggerakkan dakwah Islam secara betul untuk semua lapisan masyarakat bagi membantu mencapai matlamat Rukunegara. Antara program-program yang disiarkan sepanjang tahun lepas menerusi Bahagian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah *Pengetahuan Islam, Panduan Keluarga, Quran dan terjemahannya, Nasyid Khas, Ukkuff di Araffah, Maal Hijrah, Hafaz Al-Quran, Majlis Tilawah Quran Kebangsaan, Pengistiyaran Puasa, Terawih di Mekah 1 jam sehari dan Syiar Ramadan.*

Dasar Pelajaran Kebangsaan

Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan mengutamakan Bahasa Malaysia di atas semua bahasa yang lain memandangkan kita mempunyai pelbagai bahasa dan loghat sukuan. Infrastruktur yang boleh digunakan sebaik-baiknya adalah Bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan komunikasi kerana bahasa ini bukan hak milik orang Melayu semata-mata tetapi adalah kepunyaan semua rakyat di Malaysia.

Dasar Pelajaran Kebangsaan mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertuturan harian. Oleh itu, kejayaan dan masa depan Dasar Bahasa

Kebangsaan tidak boleh dipertikaikan lagi. Yang penting ialah sama-sama mempertahankan infrastruktur komunikasi dengan menggunakan Bahasa Malaysia dengan sebaiknya supaya menjadi bahasa yang dapat dibanggakan. Perkara ini memerlukan satu dasar yang konkret dan telah ditemeteraikan dalam Dasar Komunikasi Negara. Akta Penyiaran juga harus mengutamakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa yang rasmi untuk RTM dalam menyebarkan pentingnya Bahasa Kebangsaan ini.

Bahasa Malaysia bertindak sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu. Maka sebagai medium rasmi kerajaan , RTM turut berperanan dalam menyumbangkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang boleh dibanggakan melalui badan penyiaran seperti RTM yang mampu mengangkat martabat Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi. Penyebaran melalui media elektronik seperti televisyen dan radio telah mempercepat lagi proses perlaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Ini termasuk mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat.

Bahasa Malaysia juga telah dijaminkan kedudukannya dalam Perlembagaan Perkara 152.

- i. *Memperuntukan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Malaysia yang mesti digunakan untuk maksud-maksud rasmi dan dalam bentuk tulisan rasmi yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Persekutuan.*
- ii. *Perkara ini juga melindungi bahasa-bahasa lain dan memperuntukkan bahawa tiada sesiapa pun yang boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakanannya selain daripada maksud rasmi atau belajar atau mengajar sebarang alasan lain.*

Akta Penyiaran dan Dasar Komunikasi Negara

Akta Penyiaran dalam Dasar Komunikasi Negara telah mengutamakan aspek Bahasa Malaysia dan Kebudayaan Kebangsaan. Kedua-duanya ini saling berkaitan dan penting untuk diutamakan sekiranya negara itu terdiri daripada pelbagai kaum dan suku seperti di Malaysia. Perlaksanaan dan amalan Komunikasi Negara di Malaysia harus dengan pendekatan pada Bahasa Kebangsaan dan Kebudayaan Kebangsaan kerana kedua-duanya mempunyai peranan yang penting dalam Media Komunikasi iaitu :

- i. *Kebudayaan dan Kesenian sebagai alat Komunikasi*
- ii. *Sistem Komunikasi sebagai media pembentukan kebudayaan dan media pendidikan dan penyebar kesenian. Strategi penyiaran RTM perlu menembusi benteng perkauman dalam masyarakat mengikut bahan siaran yang sesuai ditonton bersama.*

RTM telah memainkan peranannya dalam menggalak dan menyatupadukan ciri-ciri serta unsur-unsur kesenian dan kebudayaan yang terdapat di kalangan rakyat dan tidak hanya menumpukan peranannya terhadap penerangan atau penyampaian bahan dari satu budaya sahaja.

Rakyat Malaysia adalah tergolong dalam komuniti berbilang bangsa. Cara hidup mereka berasing dari satu kelompok ke kelompok yang lain. Dalam satu-satu etnik, cara

kehidupan domestik mereka adalah tipikal bagi kaum itu sahaja. Interaksi dan penglibatan di kalangan kaum jarang wujud selain keperluan yang rutin di tempat bekerja, di sekolah atau di pasar ketika berbelanja. Maka penggunaan satu bahasa komunikasi adalah strategi yang paling bermanfaat untuk menyatupadukan masyarakat pluralisme ini.

Menerusi badan penyiaran RTM, Bahasa Malaysia telah diakui mempunyai tradisi dan bukti keupayaannya dalam mencapai integrasi kebangsaan ini. Di Kelantan umpamanya golongan minoriti Cina dan majoriti Melayu boleh bertutur dalam Bahasa Melayu (dialek Kelantan) antara satu sama lain serta boleh bergurau dan bermesra sesama sendiri. Di Melaka, asmilisasi kaum antara melayu dan Cina melalui Komunikasi Bahasa Malaysia telah berjaya menyatupadukan orang Melayu Melaka dengan kaum Baba Melaka. Keturunan kaum ini lebih fasih berbahasa Malaysia daripada bahasa Cina dan aktif pula dalam menceburi diri mereka dalam kebudayaan Melayu tempatan seperti Dondang Sayang dan Joget lambak.

Kebudayaan kebangsaan telah menerap dalam aspirasi cita rasa dan daya kreatif masyarakat Malaysia. Ini adalah berikutan daya usaha Bahagian Komunikasi Media RTM yang berjaya dalam pengendalian tugas hariannya mereka dalam memupuk masyarakat Malaysia yang majmuk dan menjadikan matlamat ini sebagai sasaran di kalangan masyarakat pluralisme. Strategi penyiaran RTM adalah bagi menembusi benteng perkauman rakyat berbilang bangsa dan etnik di negara ini mengikut bahan siaran yang sesuai untuk tontonan bersama.

Peranannya dalam perkembangan sejarah negara

Dalam masa 4 dekad sejak wujudnya radio dan televisyen di negara ini, RTM telah memainkan peranan sebagai refleksi kepada perjalanan sejarah negara. Matlamat utamanya ialah *menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir untuk melahirkan perubahan-perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak dan dasar kerajaan*. Pada tahun-tahun 50-an cetusan rasa kemerdekaan dan harapan sebuah negara yang bebas dari penjajahan merupakan gelombang yang terus bergema sehingga kemerdekaan tercapai. Oleh itu, tahun 50-an boleh dianggap sebagai "dekad kemerdekaan".

Pada tahun-tahun 60-an badan penyiaran ini telah menggambarkan hasrat rakyat mengisi kemerdekaan yang telah dicapai. Dekad 60-an juga dapat dikatakan sebagai "*the crucial decade*" berikutan satu semangat identiti kenegaraan yang telah tumbuh akibat ancaman "konfrontasi" antara tahun 1963-1966. Namun empat tahun kemudiannya "solidarity" yang begitu kukuh telah tergugat dengan peristiwa 13 Mei. Tahun-tahun 70-an pula merupakan "*dekad konsolidasi*" dengan termaktubnya prinsip Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru dan gagasan Barisan Nasional yang menjadi teras pemerintahan politik sehingga hari ini. RTM memainkan peranan selaras dengan matlamatnya iaitu *menerangkan dengan cara mendalam dan memberi liputan seluas-luasnya dasar dan rancangan kerajaan bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dan sepenuhnya dasar dan rancangan tersebut*.

Sementara tahun-tahun 80-an dianggap sebagai satu dekad "*penilaian semula*" kerana buat pertama kalinya sejak merdeka, negara dilanda kemelesetan ekonomi, isu perlombagaan, perubahan beberapa dasar utama seperti Dasar Pandang ke Timur dan "*Malaysia Incorporated*" serta menjelangnya tahun 90-an yang sering dianggap sebagai "*watershed*" dalam dasar dan perkembangan ekonomi negara.

Di arena antarabangsa sejak awal 80-an televisyen telah memasuki "*the global Age*". Jikalau selama 40 tahun dahulu televisyen berlebar di dalam sempadan pelbagai negara kini tycoon TV seperti *Ted Turner* dan *Rupert Murdoch* di Amerika, *Robert Maxwell* di Britain, *Roberto Marinho* dan *Emilio Azcarraga* di Amerika Latin, *Kerry Packer* dan *Robert Holmes "a court"* di Australia dan *Silvio Berlusconi* di Itali telah mengubah imej televisyen di dunia melalui perkembangan teknologi seperti satelit, kabel dan VCR.

European Sky Channel dilancarkan oleh *Murdoch* pada tahun 1982 diikuti oleh *Maxwell* dengan Rangkaian Bahasa Inggeris di TV Perancis melalui siaran *satelit DBS 1, TDF 2 dan TDF 3. HDTV (high defintion TV)* yang disebut sebagai "*the electronic cinema*" kerana ia hampir sama kualitinya dengan filem 35mm telah diramal akan mengubah siaran dan penerimaan TV kepada yang lebih bermutu. Sejak 1968 NHK telah menjalankan penyelidikan dan Sony telah mula mengeluarkan *high-def hardware* pada tahun 1975.

Bidang kaca televisyen konvensional pada kadar 4:3 dengan garis 525 atau 625 sejak siaran televisyen dimulakan akan berubah menjadi 5:3 dengan garis 1,125 yang akan memberi bidang pandangan yang lebih lebar dan gambar yang lebih jelas dan terang. *HDTV* berkemungkinan dipancar melalui *Ku-band* atau *Mac-band*. RAI-Rangkaian Televisyen Itali telah memulakan penggambaran cekeranya dengan alat *HDTV* dan demikian juga sebuah syarikat di Toronto telah mula membuat mini siri untuk *CBC* dalam bentuk *HDTV*.

Sementara itu, industri televisyen dan perfileman mula dibanjiri peralatan dan teknologi komputer . Pengarah Kasting dengan mudahnya mencari pelakon, penulis skrip atau pengarah filem yang sesuai melalui komputer yang mengandungi senarai sehingga 6 ribu orang, lengkap dengan biodata dan contoh-contoh kekaryawanan mereka dalam video. Penggunaan komputer di bidang komunikasi yang semakin luas ini telah membuatkan Amerika bercadang mengadakan *Electronic Communication Privacy Act* yang boleh menjamin hak asasi individu yang berkaitan dengan pengiriman dan penerimaan komunikasi melalui komputer. Kini terdapat lebih daripada 5 juta rakyat Amerika yang kini menceburkan diri dalam kegiatan ini dan sebahagian besarnya berkaitan dengan bidang perdagangan dan perindustrian.

Dengan wujudnya home video, sistem pay-per-view, pay cable dan peralatan rakaman HDTV, corak dan sistem pemasaran filem dan rancangan televisyen juga turut berubah - lebih rumit tetapi menguntungkan. Cerea made for televisyen juga semakin luas dipasarkan. Terdapat misalnya promosi jualan menerusi televisyen caranya lebih

menarik kerana penonjolan contoh dan reka letak model dan studio yang ideal dapat menambat hati penonton untuk memilikinya.

Ringkasnya, industri televisyen dan cara hidup di negara maju pada tahun 2005 adalah berkaitan rapat dengan pembangunan teknologi komputer yang luas berkembang ketika ini.

Tuntutan Komersial dan Tanggungjawab Sosial

RTM juga tidak ketinggalan dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam memenuhi tuntutan dan tanggungjawab sosialnya. Antaranya rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTM boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- Rancangan pembikinan stesen televisyen itu sendiri ini adalah rancangan yang diterbitkan atau dibuat oleh kakitangan atau pekerja stesen itu sendiri.
- Rancangan yang diswastakan kepada penerbit luar iaitu projek atau rancangan yang dibeli dari production house dengan penerbit bebas atau rancangan yang dengan cara langgan telah dikomisyenkan oleh stesen TV kepada penerbit luar.

Kebanyakan rancangan adalah rancangan yang dimulakan oleh stesen televisyen itu sendiri. Lama-kelamaan sebahagian daripadanya telah diswastakan . Dalam menerbitkan sesuatu rancangan, kadang-kala sesebuah rancangan itu akan menitik beratkan aspek

sosial lebih dari komersialnya atau ada kalanya didapati ia lebih memberatkan aspek komersial dari sosial .

Walaupun siaran RTM dimulakan selepas merdeka namun berikutan kekurangan rancangan tempatan yang bermutu, penonton di negara ini lebih banyak didedahkan dengan rancangan import.

Walaupun purata rancangan import lebih kecil iaitu 43.9 peratus bagi TV2 disiarkan berbanding rancangan tempatan iaitu 56.1 peratus tetapi dari segi daya tarikan penonton lebih mengemari rancangan import terutama dari barat *seperti X-Files, Rancangan Dunhill Double, America's Funniest dan Movie Magic* (Sumber : Laporan Kajian Populariti TV 1996).

Kawalan Media

Walaupun negara kita sedang menuju ke era globalisasi, namun masih terdapat kawalan-kawalan yang perlu dipatuhi oleh badan penyiaran ini agar RTM tetap menjadi media pembangunan kerajaan dan rakyat di dalam segala aspek. Maka, imej yang diwujudkan dan ditonjolkan harus mencerminkan industri penyiaran ini tidak terpesong dari kehendak masyarakat. Untuk ini langkah-langkah pengawalan telah dilakukan oleh kerajaan pada dua tahap peringkat iaitu :



Pengawalan undang-undang yang bertumpu kepada bahan-bahan siaran



Alat penyiar dan penerima bahan-bahan siaran

Menerusi Akta Penyiaran 1988 yang memberi kuasa kepada menteri untuk mengeluarkan lesen bagi pemasangan alat terima siaran televisyen dan radio dan perniagaan alat terima siaran televisyen dan radio. Berdasarkan akta tersebut stesen-stesen penyiaran di negara ini telah diberi garis panduan agar menyiaran rancangan yang bersesuaian mengikut norma-norma masyarakat di negara ini. Beberapa garis panduan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

1. *Akta Hasutan yang dipinda pada 1971 tidak membolehkan sesiapa pun membincangkan dan mempersoalkan tentang perkara-perkara berikut :*
 - i. Kedaulatan Raja-raja
 - ii. Hak Istimewa Orang Melayu
 - iii. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan penggunaan bahasa lain bagi tujuan tidak rasmi.
 - iv. Kerakyatan

Sebarang bentuk pertikaian terhadap perkara-perkara di atas yang telah ditentukan oleh perlembagaan tidak boleh disiarkan sama sekali.

2. *Semua filem atau rancangan yang melibatkan keselamatan negara, seperti kegiatan komunis, rusuhan kaum, kegiatan anasir subversif, tunjuk perasaan menentang*

sesuatu baik daripada orang ramai atau para pelajar dan kejadian-kejadian yang menjelaskan ketenteraman awam adalah tidak boleh disiarkan.

Kebudayaan

- i. Close Up pakaian baju mandi atau seluar pendek baik lelaki atau pun perempuan tidak dibenarkan.
- ii. Gambar membuka pakaian bagi wanita dan lelaki, tingkah laku atau gerak-geri yang boleh membangkitkan fikiran yang tidak diingini dan menghairahkan tidak boleh disiarkan.
- iii. Perkara-perkara yang asing bagi penduduk Malaysia

Agama

- i. Dalam upacara-upacara agama bukan Islam di mana-mana menteri-menteri atau orang kenamaan beragama Islam terlibat, acara-acara yang menunjukkan mereka seolah-olah diterima ke dalam kepercayaan agama itu tidak boleh disiarkan. Gerak-geri (gestures) pemimpin tersebut tidak boleh disalah anggap seperti kata-kata namaste, kum-kum dan mencatit dahi tidak boleh disiarkan.
- ii. Pembukaan rumah berhala oleh menteri-menteri yang beragama Islam tidak boleh dibuat liputan.

- iii. Rancangan-rancangan mengenai agama-agama yang terdapat di Malaysia selain daripada agama Islam hanya boleh disiarkan semasa menyambut perayaan-perayaan agama itu.

Am

- i. Rancangan-rancangan tidak boleh menetapkan identiti satu-satu kaum di negara ini dengan pekerjaan. Ini bermakna satu-satu jenis pekerjaan tidak boleh ditunjukkan sebagai pekerjaan yang sentiasa dilakukan oleh satu kaum sahaja

Selain itu, Lembaga Penapisan Filem yang berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berhak meluluskan atau mengharamkan sesuatu rancangan berdasarkan peratusan pemotongan bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah, keganasan, tasyul dan anti budaya. Mengikut klasifikasi yang diberikan sebarang bentuk drama mahu pun filem sama ada filem untuk televisyen atau untuk penggung wayang yang disiarkan di RTM harus tergolong dalam kategori tersebut :

- i. U : Untuk tontonan umum dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat.
- ii. 18SG : Untuk tontonan 18 tahun ke atas. Filem ini mengandungi unsur unsur ganas atau seram tidak keterlaluan
- iii. 18SX : Untuk tontonan 18 tahun ke atas. Filem ini mengandungi unsur unsur seks yang tidak keterlaluan.
- iv. 18PA : Untuk tontonan 18 tahun ke atas dan filem ini mengandungi unsur unsur yang menyentuh aspek-aspek agama, sosial atau politik.

v. 18PL : Untuk tontonan 18 tahun ke atas. Filem ini mengandungi kombinasi dua atau lebih unsur-unsur ganas, seram dan seks yang tidak keterlaluan atau menyentuh aspek-aspek agama, sosial atau politik.

Selain daripada penapisan adalah menjadi tanggungjawab penerbit dan penyiar untuk memilih pemrograman dan rancangan-rancangan yang tidak bertentangan dengan adat resam dan budaya tempatan. Penerbit pula seharusnya meneliti aspek-aspek tersebut supaya tidak menyinggung perasaan rakyat atau mewujudkan perasan sentimen kaum. Walaupun mereka mementingkan nilai komersial namun nilai-nilai moral dan murni perlu diserapkan dalam program dan rancangan yang dihasilkan.

Perkembangan Televisyen di Malaysia dan Era Globalisasi

Era globalisasi telah mewujudkan sistem telekomunikasi yang melangkaui sempadan geografi. Dalam menuju alaf baru Malaysia tidak terkecuali daripada menerima pembaharuan-pembaharuan ini. Bermula dengan kemunculan televisyen kabel Malaysia telah didedahkan kepada teknologi-teknologi yang baru.

Televisyen kabel pertama di negara ini dikenali sebagai Mega TV yang diperkenalkan pada November 1995. Mega TV dikendalikan oleh Cableview Services Sdn. Bhd salah sebuah anak syarikat TV3 yang beroperasi 24 jam sehari dengan menyediakan lima saluran iaitu :

- i. CNN International News
- ii. Discovery (rencana)
- iii. ESPN (Sukan)
- iv. HBO (drama)
- v. Cartoon & Variety

Malaysia kemudiannya telah menerima satu lagi pembaharuan dalam dunia penyiaran apabila Measat 1 dilancarkan pada Januari 1996, Malaysia telah memasuki era yang berteknologi tinggi. Kini kewujudan peralatan canggih yang melangkaui batasan medium komunikasi menjadikan Malaysia menerima dasar langit terbuka atau lebih menuju ke era perkampungan sejagat.

Astro (All Asia Television and Radio Company) merupakan stesen penyiaran satelit pertama di Malaysia telah menyediakan 30 saluran yang terdiri daripada 22 saluran televisyen dan 8 perkhidmatan radio terus kepada pelanggan (Direct-To-You) melalui Measat. Pusat Penyiaran Asia (ABC) merupakan pusat penyiaran Astro yang berharga RM 500 juta yang terletak di Taman Teknologi Malaysia, Sungai Besi.

TV satelit memungkinkan masyarakat di Malaysia mengetahui perkara-perkara yang sebelum ini di luar jangkauan. Perubahan dan pergolakan yang berlaku di seluruh pelusuk dunia boleh diketahui. Ini membantu dalam memupuk pandangan hidup yang lebih berorientasikan global. Dalam ucapan perasmian di *Persidangan Meja Bulat Pusat Kajian Media Antarabangsa* Dato Sulaiman Mohamad menyatakan masyarakat

berperspektif global lebih terbuka kepada pembaharuan di mana mereka harus adaptif. Maklumat adalah penting dalam membina keupayaan ini dan membentuk masyarakat muassir atau terkini. Kemunculan TV satelit dengan pelbagai saluran maklumat dapat membantu mencapai hasrat ini. Menurut beliau TV satelit secara tidak langsung membantu dalam memajukan rakyat dan negara.

Jelas sekali, komunikasi diakui memainkan peranan yang penting dalam mempercepat proses perubahan dan pembangunan sesuatu negara. Telah terbukti bahawa komunikasi menjadi asas penyebaran idea baru yang membawa perubahan itu kepada pengetahuan ahli masyarakat. Komunikasi memainkan peranan yang penting dalam proses penukaran nilai, sikap, norma dan sebagainya dalam masyarakat. Tanpa perubahan dan penukaran ini, adalah agak sukar bagi mana-mana pihak untuk memulakan dan melicinkan proses pembangunan dan perpaduan negara.

Secara kesimpulannya berdasarkan perbincangan yang dikemukakan didapati bahawa rakyat lebih banyak terdedah kepada pengaliran komunikasi lazimnya lebih maju dan pesat membangun berbanding dengan masyarakat yang tidak terdedah kepada pengaliran maklumat. Didapati juga bahawa pendedahan ini memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pembangunan dan perubahan dalam masyarakat berkenaan.